

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE  
[SANDAKAN]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status pengangguran di Sabah sekarang mengikut peringkat umur dan apakah langkah yang diambil untuk mengurangkan pengangguran di negeri ini khususnya golongan belia dan lepasan ijazah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia kadar pengangguran di Sabah adalah 5.8 peratus pada tahun 2019. Pecahan bilangan pengangguran mengikut jantina adalah seramai 74,600 orang lelaki (64%) dan 42,500 orang perempuan (36%). Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sabah telah mengadakan Karnival Kerjaya dan temuduga terbuka sepanjang tahun 2020 untuk memberi peluang kepada pencari-pencari kerja tempatan mendapatkan pekerjaan.

2. Mulai Januari sehingga September 2020, seramai 5,469 orang telah berjaya mendapat pekerjaan. Pihak JTK Sabah telah mengadakan sebanyak 63 temuduga terbuka 'norma baharu' termasuk Karnival Kembara Kerjaya dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah dan Jabatan Persekutuan bersama-sama dengan pihak Majikan, Agensi Pekerjaan

Swasta dan Penyedia Latihan di semua 16 Pejabat Tenaga Kerja seluruh negeri Sabah. Sebanyak 74 ceramah kerjaya, 70 pameran dan 126 bimbingan kelompok juga telah dilaksanakan. Keutamaan diberikan kepada para pekerja yang telah diberhentikan secara tetap oleh majikan mereka selain kepada siswazah-siswazah yang berdaftar di dalam Portal Kementerian Sumber Manusia. Temuduga ini telah dijalankan di beberapa Pejabat Tenaga Kerja di seluruh negeri Sabah dengan menghadkan bilangan majikan dan pencari kerja serta mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan. Bagaimanapun, bilangan program pada tahun ini adalah berkurang daripada tahun-tahun sebelumnya akibat daripada pandemik Covid-19.

3. Selain daripada program-program di bawah JTK Sabah, Kementerian Sumber Manusia juga mempunyai program berkaitan penempatan pekerjaan di bawah agensi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Sekian, terima kasih.